

06/02/2001

Orang Melayu perlu perbaiki diri

Azmi Abdul Malek

ISU perpaduan mula menarik perhatian pemimpin tiga parti utama yang didukung orang Melayu di negara ini.

Ia bukan saja menarik perhatian pemimpin Umno, Keadilan dan Pas, malah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Mereka tahu bahawa perpaduan dan kepemimpinan berkualiti wajar menjadi agenda penting pada alaf baru ini sekiranya mereka mahu terus berkuasa dan dihormati.

Dengan memiliki kuasa dan penghormatan, orang Melayu akan terus hidup dalam suasana gembira dan selesa.

Sungguhpun kita mampuewartakan dalam Perlembagaan bahawa Perdana Menteri mesti dilantik daripada kalangan Melayu, soalnya bolehkah ia diterima oleh semua bangsa berasaskan keturunan semata-mata.

Orang Melayu mesti membuktikan bahawa mereka mempunyai kelebihan tertentu sebagai pemimpin negara.

Orang Melayu hanya akan diterima dan dihormati apabila semangat perpaduan bangsanya sendiri dapat dipupuk dan ciri-ciri kepemimpinan berkualiti mampu ditonjolkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diterima dan dihormati semua kaum di negara ini kerana kemampuannya memakmurkan ekonomi negara dan memelihara perpaduan.

Bagi negara yang sedang pesat membangun, kepemimpinan berkualiti merupakan aset terpenting untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Setiap pemimpin pula mestilah berkemampuan untuk memelihara perpaduan supaya negara terus menjadi aman dan damai.

Oleh itu, orang Melayu harus memperbaiki kualiti diri untuk terus memimpin sebuah negara yang didiami pelbagai kaum.

Perpaduan yang ditunjukkan orang Melayu menjadi cermin kepada kaum lain di negara ini.

Sehubungan itu, usaha murni Umno dan Pas untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu patut disokong oleh semua pihak, termasuk NGO.

Sejak negara merdeka, kerajaan pimpinan Perikatan yang kemudiannya bertukar kepada Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk sebuah organisasi pentadbiran negara yang dianggap berkaliber kerana mempunyai prinsip perpaduan dan rasa hormat-menghormati antara pemimpin kaum.

BN yang ditunjangi Umno terus berjaya mengekalkan kuasa pada setiap pilihan raya kerana rakyat masih yakin dengan kepemimpinan Perdana Menteri dari kalangan pemimpin Melayu.

Selain soal perpaduan, ada beberapa faktor lain bagaimana kaum bukan Melayu berasa yakin dengan kepemimpinan orang Melayu.

Antaranya ialah kuasa pentadbiran yang masih dimiliki, semangat menjaga kepentingan bersama, penilaian sumbangan pemimpin terhadap pembangunan negara, kejayaan Umno menyediakan pemimpin pelapis dalam kerajaan dan kemampuan luar biasa serta sifat amanah yang ditunjukkan pemimpin.

Pemimpin Melayu masih dihormati kerana mereka mempunyai kuasa dalam Kabinet yang boleh mencorakkan kehidupan rakyat pelbagai kaum.

Orang Melayu mungkin menjadi lemah dan tidak lagi diperlukan sekiranya mereka tidak mempunyai kuasa eksekutif dalam negara.

Oleh itu, orang Melayu mesti bersatu padu memelihara keistimewaan anugerah Allah ini supaya mereka terus dihormati dan diberi kuasa melalui pilihan raya.

Kaum lain terus memberi sokongan kepada kepimpinan Melayu Umno melalui BN kerana mereka ada kepentingan bersama.

Mereka mengundi calon BN dalam pilihan raya kerana mereka yakin dengan kebolehan pemimpinnya. Mereka yakin pemimpin Umno yang mempelopori BN saja mampu meningkatkan perpaduan kaum di negara ini.

Kaum Cina yang aktif menjalankan kegiatan ekonomi melalui perniagaan sangat menghargai perpaduan dan keamanan negara. Negara yang aman saja mampu menarik pelabur asing ke negara ini dan ia memberi banyak peluang perniagaan kepada masyarakat peniaga.

Selain itu, kaum lain terus menghormati kepimpinan Melayu berikutan usaha berterusan kerajaan memajukan negara. Kemajuan negara memberi manfaat kepada usaha mereka mengembangkan perniagaan masing-masing.

Sehubungan itu, mereka berpendapat bahawa kerajaan yang sedia ada perlu diberi sokongan seterusnya.

Kesediaan Umno menyediakan pemimpin pelapis untuk menerajui kepimpinan negara turut menarik perhatian kaum lain.

Pemimpin Melayu yang berpendidikan dan berkemahiran dalam kerajaan dapat melahirkan pentadbiran yang berkesan dan produktif. Kebolehan luar biasa yang ditunjukkan seseorang pemimpin dalam pentadbiran juga menjadi ukuran penting rakyat terhadap kerajaan.

Kebolehan Dr Mahathir mengesan siapa penyangak wang antarabangsa dan bagaimana menangani krisis itu bukan saja menarik perhatian rakyat, malah beberapa pemimpin negara maju di dunia.

Kepimpinan Melayu masih unggul dan disegani kerana sifat amanah yang mereka miliki, sekali gus membolehkan mereka dipercayai sebagai pemimpin. Ada pemimpin yang mungkin mempunyai kebolehan tetapi tidak amanah dengan tugas yang diberikan. Pemimpin begini berkemampuan memajukan negara tetapi mengambil kesempatan meningkatkan kekayaan diri sendiri dan kroninya.

Kebolehan dan amanah adalah dua sifat kepimpinan yang saling berkaitan untuk dipraktikkan pemimpin.

Bagi mengekalkan elemen di atas, pemimpin Melayu yang sudah lama celik dalam Umno perlu memainkan peranan penting pada alaf baru ini supaya kehormatan bangsa Melayu terus bertakhta di hati rakyat pelbagai kaum di negara ini. Mereka harus membimbing ke arah mencapai hala tuju dan wawasan orang Melayu pada masa akan datang.

Generasi muda perlu ditingkatkan kesedarannya dan penyaluran maklumat tepat tentang sejarah perjuangan pemimpin silam wajar dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Mereka harus diingatkan supaya terus melakukan sesuatu untuk meneruskan kesinambungan kepimpinan Melayu sedia ada.

Pemimpin Umno juga harus memantau pencapaian wawasan masa kini dan mencari jalan bagaimana memperbaiki kelemahannya.

Generasi muda juga harus diberi keyakinan bahawa Umno adalah sebuah parti yang boleh membantu orang Melayu hidup dengan selesa di tanah air sendiri.

Dorongan dan motivasi tinggi mesti disuntik kepada generasi baru supaya mereka sentiasa bersemangat untuk menghadapi cabaran di samping mendukung perjuangan parti Umno.

Ahli Umno baru wajar dihantar berkursus untuk meningkatkan kualiti kepimpinan agar mereka terus menghayati perjuangan generasi silam.

Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa perpaduan dan kepimpinan berkualiti adalah sebahagian daripada kaedah orang Melayu untuk terus dihormati dan diberi kepercayaan menerajui negara.

Penentuan hak melalui Perlembagaan belum cukup untuk memberi keselesaan kehidupan orang Melayu di negaranya sendiri tanpa ada usaha memperbaiki kelemahan diri.